

15 DEC 2001

Raya-Beli Belah (Bergambar)

ORANG RAMAI MASIH MEMBELI BELAH

Oleh: S.Chandrawathani dan M.Saraswathi

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Amalan membeli belah di minit-minit akhir semasa musim perayaan untuk mendapatkan tawaran dan pilihan lebih baik semakin lazim di kalangan warga Malaysia.

Sambutan Aidilfitri esok, menunjukkan trend yang sama dengan warga Malaysia daripada pelbagai kaum berpusu-pusu ke tempat-tempat membeli belah yang menjadi pilihan mereka seperti Jalan Tunku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India.

"Kami membeli belah di minit-minit terakhir kerana pada awal bulan Ramadan, keadaan sesak. Kini, kita masih mempunyai pilihan yang sama dan boleh mendapatkan tawaran harga yang lebih baik khasnya apabila membeli di hari terakhir," kata seorang jurutera, Noorazlifah Amir Sutan, 27.

Bagaimanapun, beliau berkata yang tahun ini bilangan mereka yang membeli belah di hari-hari sebelum sambutan telah meningkat dengan ramai umat Islam memutuskan untuk beraya di ibu negara.

Tetapi bagi pesara kerajaan, Herman Abdullah, 52, yang mula membeli belah sejak tiga hari lepas, harga pakaian dan barangan tetap sama setiap tahun.

Amalan membeli belah seperti ini tidak terhad kepada masyarakat Islam sahaja tetapi mereka yang bukan Islam juga mengambil kesempatan untuk mendapatkan barangan keperluan mereka pada harga potongan.

Salah seorang daripada mereka ialah Kumaran Ramasamy, 27, yang mencari kemeja T di Lorong Masjid India bersama isterinya.

Ejen insurans itu berpendapat ia peluang yang baik bagi kumpulan etnik lain untuk turut serta membeli barang-barang pada harga yang lebih murah.

"Harga-harga pada Hari Raya adalah lebih murah berbanding pada musim perayaan lain seperti Deepavali," katanya.

Ditanya sama ada beliau mengikut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia lebih banyak berbelanja untuk menggerakkan ekonomi, Kumaran berkata: "Itu semua bergantung kepada kemampuan individu untuk berbelanja."

Bagi Arnd Manzewski, 31, seorang pelancong dari Jerman, produk-produk tempatan jauh lebih murah berbanding di negara-negara lain.

Tinjauan oleh BERNAMA juga menunjukkan yang pemandu teksi tidak mahu mengambil penumpang ke beberapa kompleks membeli belah dan kawasan tumpuan orang ramai untuk membeli belah di ibu negara kerana kesesakan lalulintas yang teruk.

Seorang pemandu teksi yang tidak mahu namanya disiarkan berkata beliau jarang mengambil penumpang yang mahu ke kompleks membeli belah Sogo atau Jalan Tunku Abdul Rahman, yang menjadi tumpuan mereka yang mahu membeli belah.

"Saya menyewa teksi ini untuk 10 jam, jadi jika terperangkap dalam kesesakan lalulintas selama dua jam saya akan kerugian. Jadi sebab itulah kami pemandu teksi tidak mahu mengambil penumpang ke tempat-tempet seperti ini di ibu negara," jelas beliau.

-- BERNAMA

SM CS SR AAM PR